



13 Mei 2016  
13 May 2016  
P.U. (A) 126

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI DAN SEKURITI ISLAM) (NOTA PELABURAN DAN NOTA PELABURAN ISLAM) 2016

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRESCRIPTION OF  
SECURITIES AND ISLAMIC SECURITIES)  
(INVESTMENT NOTE AND ISLAMIC INVESTMENT NOTE)  
ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI DAN SEKURITI ISLAM) (NOTA PELABURAN DAN NOTA PELABURAN ISLAM) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti dan Sekuriti Islam) (Nota Pelaburan dan Nota Pelaburan Islam) 2016.**
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 16 Mei 2016.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“nota pelaburan” ertinya apa-apa kontrak, perjanjian, nota atau dokumen lain yang membuktikan suatu pinjaman wang, yang dilaksanakan atau ditawarkan, di atau melalui suatu platform elektronik, yang pelabur menjangkakan pulangan kewangan, tetapi tidak termasuk—

- (a) apa-apa hak, opsyen atau kepentingan berkenaan dengan kontrak, perjanjian, nota atau dokumen lain itu;
- (b) cek, draf bank atau apa-apa bil pertukaran yang lain atau surat kredit;
- (c) nota bank, jaminan atau polisi insurans; atau
- (d) penyata, buku akaun bank atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam akaun semasa, deposit atau simpanan;

“nota pelaburan Islam” ertinya apa-apa kontrak, perjanjian, nota atau dokumen lain yang membuktikan pemilikan yang tidak berbelah bahagi atau pelaburan dalam apa-apa aset yang mematuhi prinsip Syariah yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah, dan dilaksanakan atau ditawarkan, di atau melalui suatu platform elektronik, yang pelabur menjangkakan pulangan kewangan, tetapi tidak termasuk—

- (a) apa-apa hak, opsyen atau kepentingan berkenaan dengan kontrak, perjanjian, nota atau dokumen lain itu;
- (b) cek, draf bank atau apa-apa bil pertukaran yang lain atau surat kredit;
- (c) nota bank, jaminan atau polisi takaful; atau
- (d) penyata, buku akaun bank atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam akaun semasa, deposit atau simpanan.

#### **Nota pelaburan ditetapkan sebagai sekuriti**

3. Nota pelaburan ditetapkan sebagai sekuriti bagi maksud undang-undang sekuriti.

#### **Nota pelaburan Islam ditetapkan sebagai sekuriti Islam**

4. Nota pelaburan Islam ditetapkan sebagai sekuriti Islam bagi maksud undang-undang sekuriti.

#### **Ketidakpakaian seksyen 212 dan 232**

5. Seksyen 212 dan 232 Akta tidak terpakai bagi nota pelaburan dan nota pelaburan Islam yang dilaksanakan atau ditawarkan, di atau melalui suatu pasaran diiktiraf.

#### **Nota pelaburan bukan syer, dsb.**

6. Bagi maksud undang-undang sekuriti, suatu nota pelaburan yang dilaksanakan atau ditawarkan, di atau melalui pasaran diiktiraf bukanlah—